



Bahagian Pengurusan Insan (HTM)
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Emel : um_studyleave@um.edu.my

TAWARAN HADIAH LATIHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA BAGI TAHUN 2022:

- (1) **SUB KEPAKARAN; DAN**
- (2) **PASCA KEDOKTORAN.**

KETERANGAN TAWARAN

Program Sub Kepakaran/Pasca Kedoktoran bertujuan memberi peluang kepada staf akademik yang telah mempunyai kelayakan Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan seperti pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung bidang pengajian yang dijalankan.

BIASISWA YANG DITAWARKAN

1. Staf Universiti Malaya dipelawa untuk mengikuti pengajian Sub Kepakaran/Pasca Kedoktoran **di luar negara**.
2. Pengajian luar negara di universiti yang berada di **kedudukan 50 terbaik dunia** oleh **QS WUR/QS WUR by Subject**. Program Sub Kepakaran (berdasarkan kepakaran Penyelia) boleh dilakukan di pusat perubatan terkemuka dunia.
3. Penajaan biasiswa ini bermula September 2022 dan hanya sah sehingga 31 Disember 2022.
4. Staf hendaklah **bebas daripada status peminjam tegar Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)** dengan mengemukakan bukti pemotongan gaji sekiranya berkaitan (perlu diselesaikan sendiri oleh calon).

IKATAN PERJANJIAN

Staf yang ditawarkan biasiswa mempunyai dua (2) ikatan perjanjian iaitu bersama Universiti Malaya selaku majikan dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi pihak Kerajaan. Tempoh kuat kuasa kontrak adalah bergantung kepada tempoh pengajian yang dibiayai.

ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN

Staf yang ditawarkan biasiswa layak menerima elaun dan kemudahan yang ditawarkan oleh Universiti Malaya dan Kementerian Pengajian Tinggi.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Staf adalah warganegara Malaysia.
2. Telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat **tidak kurang dari tiga (3) tahun** di Universiti Malaya.
3. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **setahun selepas dianugerahkan PhD**.
4. Tempoh kursus yang dibenarkan adalah seperti berikut:
 - (1) 6 bulan hingga 24 bulan bagi pengajian Sub Kepakaran; dan
 - (2) 12 bulan hingga 24 bulan bagi program Pasca Kedoktoran mengikut surat tawaran pengajian.
5. Diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Pusat Tanggungjawab.
6. Bebas daripada tindakan tatatertib Universiti.
7. Mendapat tawaran untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik daripada mana-mana organisasi yang dipilih.
8. Staf yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran perlu melepaskan jawatan tersebut setelah mendapat kelulusan mengikut program ini.
9. Staf hanya layak dipertimbangkan untuk mengikuti program / pengajian ini sekali dalam tempoh perkhidmatan.

CARA MEMOHON

1. Staf hendaklah mengemukakan Borang Permohonan dengan mengemukakan satu (1) salinan dokumen berikut yang dicop Salinan Disahkan Benar dan ditandatangani melalui Pusat Tanggungjawab masing-masing:
 - (1) Surat Tawaran dari tempat pengajian / Surat Pengesahan Tawaran;
 - (2) Salinan Kad Pengenalan staf;
 - (3) Salinan Sijil Ijazah Kedoktoran;
 - (4) Maklumat Penyelia: Curriculum Vitae, Maklumat Penerbitan dan Maklumat Penyeliaan
 - (5) Kertas Cadangan Penyelidikan / Pelan Pengajian; dan
 - (6) Keputusan IELTS / TOEFL (sekiranya ada).
2. Tarikh tutup permohonan ke Fakulti: **28 Februari 2022 (Isnin)**.

PENTING

1. Permohonan ini **wajib** dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang dinyatakan. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
2. Sekiranya staf tidak mendapat sebarang maklum balas daripada pihak Universiti Malaya dalam **tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan dikemukakan, permohonan tersebut adalah dianggap tidak berjaya.
3. Universiti Malaya berhak membatalkan permohonan/tawaran dengan serta merta tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya didapati pada bila-bila masa bahawa maklumat palsu diberikan dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan kepada Universiti berkaitan permohonan ini.